Perpustakaan,
Dewan Und... an Negeri
Terengganu.

DEWAN UNDANGAN NEGERI TRENGGANU

**YANG KELIMA**

# PENYATA RASMI MESYUARAT DEWAN UNDANGAN NEGERI

Persidangan kali yang Pertama
dalam
Penggal Persidangan yang Pertama (1978)
Pada 30 haribulan Julai, 1978

*Dikeluarkan oleh:*

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI,
TRENGGANU.

NEGERI TRENGGANU

DEWAN NEGERI

PENYATA RESMI

---

Penggal Persidangan Yang Pertama Dewan Negeri Yang Kelima

---

Hari Ahad 30 haribulan Julai, 1978

Dewan Negeri mulai bersidang pada pukul 12.15 petang

Di Dewan Negeri, Kuala Trengganu.

HADIR

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar
Dato' Haji Wan Mokhtar bin Ahmad, SPMT.,KMN.,JP.,PJK. ... Wakil Chukai
Yang Berhormat Dato' Wan Adnan bin Ismail, DPMT.,KMN.,JP.,PPT. Wakil Kemasek
" " Dato' Abu Bakar bin Daud, DPMT.,PJK. ... ... Wakil Ladang
" " Encik Ahmad Sidi bin Haji Ismail, SMT.,KMN., JP.,PJK. ... Wakil Telemong
" " Tengku Mahmud bin Mansor, JP.,KMN.,PJK.... ... Wakil Setiu
" " Haji Abdullah bin Jusoh, SMT.,AMN.,JP.,PJK. ... Wakil Bukit Kenak
" " Haji Abdul Rashid bin Ngah, PJK. ... ... Wakil Seberang Takir
" " Haji Mohd.Adib bin Omar, JP.,PJK. ... ... Wakil Merchang
" " Encik Tok Teng Sai, AMN.,PJK. ... ... Wakil Bandar
" " Haji Mohd.Salleh bin Ismail, SMT.,PJK. ... ... Wakil Tanggol
" " Dato' Abu Bakar bin Ahmad, DPMT.,AMN.,PJK. ... Wakil Kampong Raja
" " Haji Ismail bin Yusoff, SMT.,AMN.,PJK. ... ... Wakil Manir
" " Haji Abdul Rahman bin Awang, PJK. ... ... Wakil Bukit Tunggal
" " Encik Ismail Haitami bin Salleh, AMN.,PJK. ... Wakil Paka
" " Encik Hussin bin Haji Abdullah, AMN.,PJK. ... Wakil Ulu Besut
" " Encik Abdul Rahman bin Ali, AMN.,PJK. ... ... Wakil Binjai
" " Encik Salleh bin Mohamad, AMN.,PJK.,PPN... ... Wakil Langkap
" " Haji Abd.Muttalib bin Haji Salleh, SMT.,JP.,PJK. Wakil Batu Burok
" " Encik Abdul Rashid bin Mohamad, AMN.,PJK.. ... Wakil Jeram
" " Wan Ibrahim bin Wan Othman, AMN.,PJK. ... ... Wakil Batu Rakit
" " Encik Ismail Alfalah bin Salleh, PJK. ... ... Wakil Bukit Bandi
" " Haji Abd.Razik bin Taib, AMN. ... ... Wakil Bukit Payong
" " Encik Mustapha bin Abd.Majeed, SMT.,PJK... ... Wakil Sura
" " Encik Muda bin Abdullah, AMN.,PJK. ... ... Wakil Jerangau
" " Tengku Zahid bin Musa, PJK. ... ... Wakil Marang
" " Encik Mohd.Shafie bin Hj.Abd.Rahman, PJK. ... Wakil Wakaf Mempelam
" " Encik Zakaria bin Muda, PJK. ... ... Wakil Kuala Besut
Encik Mohd.Nor bin Abdullah, PJK.,PPN. ... ... Wakil Kuala Brang

HADIR menurut Fasal XIII(3) Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Trengganu (Bab Yang Pertama).

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan,
Dato' Wira Jaya, (Dato' Che Wan Khalid bin Nong, DPMT.,PJK.,BLB.)
Yang Berhormat Penasihat Undang-undang Negeri,
Encik Abdul Kadir bin Sulaiman, PJK.
Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri,
Dato' Setia Wangsa, (Dato' Abdul Rahman bin Nasir, DPMT.,PJK.,BLB.)

... 2.

## ڤراشتهاران

اوله دولي يڠمها مليا توانكو اسماعيل ناصرالدين شاه، درجه ڤوابة يڠامة مليا، درجه ڤوابة (مليسيا) درجه اوتام سري مهكوت نڬارا، سري ڤادوك مهكوت ترڠڬانو، درجه ڤوابت يڠامة دحرماتي كلنتن (اليونسي)، درجه ڤوابة (سلاڠور)، درجه ڤوابت يڠامة دحرماتي (ڤيرق)، درجه ڤوابت سري اندرا مهكوت ڤهڠ يڠامت دحرماتي، ابن المرحوم السلطان زين العابدين، سلطان دان يڠ دڤرتوان باڬي نڬري ترڠڬانو دارالايمان سرت جاجهن تعلوقن.

(تند اتاڠن السلطان)　　　　(موهر نڬري)

بهواسان ديوان اونداڠن نڬري ترڠڬانو تله دبوبركن ڤد 12 هاريبولن جون، 1978.

دان بهواسان منورة شرط (4) كڤد فصل 44 اونداڠ٢ باڬي ديري كراجاٴن ترڠڬانو (باب يڠڤرتام) اڤبيل ديوان اونداڠن نڬري دبوبركن مك ديوان اونداڠن نڬري يڠبهارو هندقله دڤڠڬيل برمشوارة ڤد سوات تاريخ يڠتيدق ليواة درڤد سمبيلن ڤوله هاري درڤد تاريخ ڤمبوبارن ايت.

اوله يڠدمكين، بيت، توانكو اسماعيل ناصرالدين شاه، درجه ڤوابة يڠامة مليا، درجه ڤوابة (مليسيا)، درجه اوتام سري مهكوت نڬارا، سري ڤادوك مهكوت ترڠڬانو، درجه ڤوابة يڠامة دحرماتي كلنتن (اليونسي)، درجه ڤوابة (سلاڠور)، درجه ڤوابة يڠامة دحرماتي (ڤيرق)، درجه ڤوابة سري اندرا مهكوت ڤهڠ يڠامة دحرماتي، ابن المرحوم السلطان زين العابدين، سلطان دان يڠ دڤرتوان باڬي نڬري ترڠڬانو دارالايمان سرت جاجهن تعلوقن، اداله دڠن اين منتڤكن 30 هاريبولن جولي، 1978، سباڬي هاري ڤرمولاٴن ڤڠڬل ڤرسيداڠن يڠڤرتام ديوان اونداڠن نڬري ترڠڬانو يڠكليم، دان مشوارة يڠڤرتام ڤرسيداڠن ترسبوة اكن داداكن ڤد ڤوكل 12.15 ڤتڠ ڤد تاريخ يڠترسبوة داتس اين ددالم ديوان اونداڠن نڬري دكوالا ترڠڬانو.

دكورنياكن داستان بيت، دكوالا ترڠڬانو،
ڤد 22 هاريبولن جولي، 1978.
(SUK.TR.637/1; PUN.TR.(S) 30)

يڠ منجنجوڠ تيته ڤرنته دولي يڠمها مليا،

داتوٴ حاج وان مختار بن احمد،
منتري بسر، ترڠڬانو.

# P R O C L A M A T I O N

By His Royal Highness TUANKU ISMAIL NASIRUDDIN SHAH, Darjah Kerabat Yang Amat Mulia, Darjah Kerabat (Malaysia), Darjah Utama Seri Mahkota Negara, Seri Paduka Mahkota Trengganu, Darjah Kerabat Yang Amat Di-Hormati Kelantan (Al-Yunusi), Darjah Kerabat (Selangor), Darjah Kerabat Yang Amat Di-Hormati (Perak), Darjah Kerabat Seri Indera Mahkota Pahang Yang Amat Di-Hormati, Ibni AL-MARHUM AL-SULTAN ZAINAL 'ABIDIN, Sultan and Sovereign Ruler of the State and Territory of Trengganu Darul-Iman and all its Dependencies.

(State Seal) (Ruler's Sign Manual)

WHEREAS the Legislative Assembly of the State was dissolved on 12th day of Jun, 1978.

AND WHEREAS by Clause (4) of Article XLIV of the Laws of the Constitution of Trengganu (First Part) whenever the Legislative Assembly is dissolved the new Legislative Assembly shall be summoned to meet on a date not later than ninety days from that date.

NOW THEREFORE, WE, TUANKU ISMAIL NASIRUDDIN SHAH, Darjah Kerabat Yang Amat Mulia, Darjah Kerabat (Malaysia), Darjah Utama Seri Mahkota Negara, Seri Paduka Mahkota Trengganu, Darjah Kerabat Yang Amat Di-Hormati Kelantan (Al-Yunusi), Darjah Kerabat (Selangor), Darjah Kerabat Yang Amat Di-Hormati (Perak), Darjah Kerabat Seri Indera Mahkota Pahang, Yang Amat Di-Hormati, Ibni AL-MARHUM ALSULTAN ZAINAL 'ABIDIN, Sultan and Sovereign Ruler of the State and Territory of Trengganu Darul-Iman and all its Dependencies, DO HEREBY APPOINT the 30th day of July, 1978, as the day for the commencement of the First Session of the Fifth Legislative Assembly, and the First Meeting of such session shall be held at 12.15 p.m. on the aforesaid date in the State Legislative Assembly Chamber at Kuala Trengganu.

Given at Our Istana in Kuala Trengganu, this 22nd day of July, 1978.

[SUK.TR.637/1; PUN.TR.(S) 30.]

By His Royal Highness's Command,

DATO' HAJI WAN MOKHTAR BIN AHMAD,
Menteri Besar, Trengganu.

PEMILIHAN YANG DIPERTUA DEWAN

Setiausaha Dewan: Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekelian, perkara kedua di dalam Tertib Pekerjaan Dewan pada hari ini ialah "Pemilihan Yang Dipertua Dewan": Saya dengan segala hormatnya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat sekelian membuat cadangan.

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar: Tuan Setiausaha Dewan, saya bangun untuk mencadangkan Yang Berhormat Tuan Haji Mohd.Salleh bin Ismail, Wakil Tanggol, untuk mengambil tempat di Dewan Yang Mulia ini sebagai Yang Dipertua Dewan.

Yang Berhormat Encik Abdul Rashid bin Mohammad: Tuan Setiausaha Dewan, saya menyokong cadangan supaya Yang Berhormat Haji Mohd.Salleh bin Ismail, Wakil Tanggol, mengambil tempat di dalam Dewan Yang Mulia ini sebagai Yang Dipertua Dewan.

Setiausaha Dewan: Ada lain-lain cadangan? Tiada: Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekelian, nampaknya hanya ada satu cadangan sahaja yang mencadangkan Yang Berhormat Haji Mohd.Salleh bin Ismail, Wakil Tanggol mengambil tempat di dalam Dewan Yang Mulia ini sebagai Yang Dipertua Dewan.

Cadangan ini telah mendapat sokongan dan sabelom daripada ini saya telah di maklomkan oleh Yang Berhormat Haji Mohd.Salleh bin Ismail sendiri bahawa beliau memberi kesanggupan untuk berkhidmat sebagai Yang Dipertua Dewan sekiranya beliau di pilih. Dengan hal yang demikian saya mengistiharkan bahawa Yang Berhormat Haji Mohd.Salleh bin Ismail dengan ini di pilih menjadi Yang Dipertua Dewan bagi Dewan Undangan Negeri Trengganu.

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan Yang Berhormat Encik Abdul Rashid bin Mohammad kemudian bangun menjemput Yang Berhormat Haji Mohd.Salleh bin Ismail mengangkat sumpah di hadapan Tuan Setiausaha Dewan Undangan Negeri dan menduduki Kerusi Yang Dipertua Dewan.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua membaca Do'a.

UCAPAN TUAN YANG DIPERTUA

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua: Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat sekelian, saya mengaturkan ucapan satinggi-tinggi terimakasih dan penghargaan saya kepada Kerajaan Negeri Trengganu dan Ahli-ahli Dewan sekelian diatas kepercayaan dan keyakinan melantik saya sebagai Yang Dipertua Dewan. Dengan keyakinan dan kepercayaan Ahli-ahli Yang Berhormat sekelian saya percaya dapat saya menjalankan tugas yang maha berat ini dengan seadil-adilnya. Oleh yang demikian saya berharap benar kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dapat memberi kerjasama dalam masa saya menjalankan Persidangan ini mudah-mudahan kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekelian dapat menyenang urusan menjalankan persidangan. Oleh kerana system yang kita pakai dan amalan pada hari ini system yang berdemokratik saya berharap benar bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat sekelian dapat menyumbang tenaga dan fikiran didalam Dewan Yang Mulia ini dengan sihat dan wajar mudah-mudahan apa yang di bincang, di runding didalam Dewan Yang Mulia ini diperkenankan oleh Tohan Yang Maha Besar. Sekian.

... 5.

UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN
TRENGGANU

( Bab Yang Pertama )

(Fasal XLV)

SUMPAH BAGI AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

oOo

WALLAHI, WABILLAHI, WATALLAHI,

ADALAH SAYA, ______________________________

yang telah dipilih menjadi ahli Dewan Negeri bagi Negeri Trengganu, dengan sesungguhnya mengangkat sumpah (atau berikrar) bahawa saya akan sebenar-benar menjalankan kewajipan-kewajipan saya sebagai seorang ahli dengan sedaya upaya saya, bahawa saya akan bersetiawan dan taat setia dengan sebenarnya kepada Negeri Trengganu dan bahawa saya akan memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaan Negeri Trengganu.

______________________
(tandatangan)

Sumpah ini diperbuat oleh ______________________________

di hadapan saya ______________________________

______________________
YANG DI PERTUA,
DEWAN NEGERI TRENGGANU.

Pada 30 haribulan Julai , 1978.

... 6.

UPACARA MENGANGKAT SUMPAH AHLI-AHLI
DEWAN UNDANGAN NEGERI

Ahli-ahli yang berikut tampil di hadapan Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua Dewan untuk mengangkat sumpah Ahli Dewan Undangan Negeri:-

1. YAB Dato' Menteri Besar
   (Dato' Haji Wan Mokhtar bin Ahmad, SPMT., KMN.,JP.,PJK.)
   (Wakil Chukai)

2. YB Dato' Wan Adnan bin Ismail, DPMT.,KMN., JP.,PPT.
   (Wakil Kemasek)

3. YB Dato' Abu Bakar bin Daud, DPMT.,PJK.
   (Wakil Ladang)

4. YB Encik Ahmad Sidi bin Haji Ismail, SMT.,KMN.,JP.,PJK.
   (Wakil Telemong)

5. YB Tengku Mahmud bin Mansor, JP.,KMN.,PJK.
   (Wakil Setiu)

6. YB Haji Abdullah bin Jusoh, SMT.,AMN.,JP.,PJK.
   (Wakil Bukit Kenak)

7. YB Haji Abdul Rashid bin Ngah, PJK.
   (Wakil Seberang Takir)

8. YB Haji Mohd.Adib bin Omar, JP.,PJK.
   (Wakil Merchang)

9. YB Encik Tok Teng Sai, AMN.,PJK.
   (Wakil Bandar)

10. YB Dato' Abu Bakar bin Ahmad, DPMT.,AMN.,PJK.
    (Wakil Kampung Raja)

11. YB Haji Ismail bin Yusoff, SMT.,AMN.,PJK.
    (Wakil Manir)

12. YB Haji Abdul Rahman bin Awang, PJK.
    (Wakil Bukit Tunggal)

13. YB Encik Ismail Haitami bin Salleh, AMN.,PJK.
    (Wakil Paka)

14. YB Encik Hussin bin Haji Abdullah, AMN.,PJK.
    (Wakil Ulu Besut)

15. YB Encik Abdul Rahman bin Ali, AMN.,PJK.
    (Wakil Binjai)

16. YB Encik Salleh bin Mohamed, AMN.,PJK.,PPN.
    (Wakil Langkap)

17. YB Haji Abdul Muttalib bin Haji Salleh, SMT.,JP.,PJK.
    (Wakil Batu Burok)

18. YB Encik Abdul Rashid bin Mohamad, AMN.,PJK.
    (Wakil Jeram)

19. YB Wan Ibrahim bin Wan Othman, AMN.,PJK.
    (Wakil Batu Rakit)

20. YB Encik Ismail Alfalah bin Salleh, PJK.
    (Wakil Bukit Bandi)

21. YB Haji Abdul Razik bin Taib, AMN.
    (Wakil Bukit Payong)

... 7.

22. YB Encik Mustapha bin Abd.Majeed, SMT.,PJK.
(Wakil Sura)

23. YB Encik Muda bin Abdullah, AMN.,PJK.
(Wakil Jerangau)

24. YB Tengku Zahid bin Musa, PJK.
(Wakil Marang)

25. YB Encik Mohd.Shafie bin Hj.Abd.Rahman, PJK.
(Wakil Wakaf Mempelam)

26. YB Encik Zakaria bin Muda, PJK.
(Wakil Kuala Besut)

27. YB Encik Mohd.Nor bin Abdullah, PJK.,PPN.
(Wakil Kuala Brang)

... 8.

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI

Yang Berhormat Dato' Wan Adnan: Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya pohon izin untuk mengemukakan satu Usul yang berbunyi:-

"Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat KETETAPAN bersetuju melantik suatu Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri menurut Fasal 110 Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Negeri dan ahli-ahlinya terdiri daripada:-

| | | |
|---|---|---|
| 1. | YB Dato' Abu Bakar bin Ahmad, DPMT.,AMN.,PJK. ... ... | Pengerusi. |
| 2. | YB Haji Abdul Rahman bin Awang, PJK. | Ahli |
| 3. | YB Encik Salleh bin Mohamad, AMN.,PJK.,PPN. | " |
| 4. | YB Encik Razik bin Taib, AMN. ... | " |
| 5. | YB Encik Muda bin Abdullah, AMN.,PJK. | " |
| 6. | YB Wan Ibrahim bin Wan Othman, AMN.,PJK. | " |
| 7. | YB Haji Abd.Muttalib bin Hj.Salleh, SMT.,JP.,PJK. ... ... | " " |

Sekian, Tuan Yang Dipertua.

YB Encik Zakaria bin Muda: Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya menyokong Usul ini.

Oleh kerana tidak ada ahli yang hendak berucap, Usul ini kemudian di hadapkan kepada Mesyuarat dan di persetujukan dengan sebulat suara.

USUL INI DI TERIMA.

... 9.

## JAWATANKUASA PERATURAN-PERATURAN DAN PERINTAH-PERINTAH TETAP DAN KEBEBASAN SERTA IMBUHAN KEPADA AHLI-AHLI DEWAN NEGERI

Yang Berhormat Encik Ahmad Sidi: Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya pohon izin untuk mengemukakan satu Usul yang berbunyi:-

"Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat KETETAPAN bersetuju melantik suatu Jawatankuasa Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap dan Kebebasan serta Imbuhan kepada Ahli-ahli Dewan Negeri dan Ahli-ahlinya terdiri daripada:-

| | | |
|---|---|---|
| 1. | YB Yang Dipertua Dewan ... ... | Pengerusi |
| 2. | YB Dato' Wan Adnan bin Ismail, DPMT., KMN.,JP.,PPT. ... ... | Ahli |
| 3. | YB Dato' Abu Bakar bin Daud, DPMT.,PJK. | " |
| 4. | YB Encik Tok Teng Sai, AMN.,PJK. ... | " |
| 5. | YB Encik Abdul Rahman bin Ali, AMN.,PJK. | " |
| 6. | YB Encik Hussin bin Haji Abdullah, AMN.,PJK. | " |
| 7. | YB Encik Ismail Haitami bin Salleh, AMN.,PJK. | " |
| 8. | YB Setiausaha Kerajaan Negeri ... | " |
| 9. | YB Penasihat Undang-undang Negeri.... | " |

Sekian, Tuan Yang Dipertua.

Yang Berhormat Haji Abd.Rahman bin Awang: Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya menyokong Usul ini.

Oleh kerana tidak ada ahli yang hendak berucap, Usul ini kemudian di hadapkan kepada Mesyuarat dan di persetujukan dengan sebulat suara.

USUL INI DI TERIMA.

... 10.

# TANGGUHAN

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar: Tuan Yang Dipertua, saya mencadangkan supaya Dewan ini di tangguhkan kepada satu masa yang akan di tetapkan kelak.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekelian, satu usul untuk menangguhkan Dewan telah di bawa oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar; sabelom saya tanggohkan sekali lagi saya suka mengaturkan satinggi-tinggi terimakasih kepada Kerajaan diatas perlantikan saya sebagai Yang Dipertua Dewan dan sabelom di tamatkan, saya dengan segala hormatnya mempersilakan semua Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Pejabat, Pegawai-pegawai dan sekelian hadirin yang berada dalam Dewan Yang Mulia pada hari ini ka Dewan Tunku Abdul Rahman untuk sarapan tengahari. Saya tangguhkan Dewan untuk satu ketika.

PERSIDANGAN DEWAN DI TANGGUHKAN PADA PUKUL 1.19 PETANG.

***************

Pejabat Setiausaha Dewan Undangan Negeri Trengganu,
Bangunan Darul Iman,
Kuala Trengganu.